

KEMPEN WAKAF ASNB MELALUI PLATFORM MyASNB ("Kempen")

Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh ASNB Wakalah Sdn Bhd (No. Pendaftaran 202101002976 (1403274-P)) ("AWSB").
2. Tempoh kempen dilanjutkan daripada 15 Oktober sehingga 31 Disember 2023 ("Tempoh Kempen"). AWSB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlakanya.
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang-pemegang unit ASNB yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas ("Peserta") yang layak mendaftar Wakaf ASNB, iaitu perkhidmatan baharu yang menyediakan platform untuk Peserta mewakafkan sebahagian daripada pelaburan unit amanah mereka.
4. Objektif Kempen bertujuan menggalak Peserta untuk mendaftar Wakaf ASNB melalui portal MyASNB melalui pelaburan unit amanah untuk tujuan kebajikan yang akan disalurkan kepada projek-projek wakaf yang dikenal pasti di seluruh negara yang bermatlamatkan pembangunan masyarakat dan ummah.
5. Pihak AWSB berhak untuk mengubah jenis ganjaran atas budi bicara mutlakanya.

Tawaran dan Mekanisme Kempen

1. Peserta yang layak akan menerima tawaran kempen ("Tawaran Kempen") seperti berikut jika memenuhi kriteria kelayakan di bawah semasa Tempoh Kempen:-

Kriteria Kelayakan mendapat Tawaran Kempen	Tawaran Kempen
Pewakaf yang pertama kali mendaftar wakaf ASNB sejak perkhidmatan Wakaf ASNB diperkenalkan melalui platform MyASNB dengan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) melalui mana-mana tabung unit amanah ASNB Harga Tetap.	Unit Amanah Harga Tetap bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) <i>[Terhad kepada dua ratus (200) pendaftaran pertama]</i>

2. Jadual di bawah menggambarkan bagaimana Peserta boleh melayakkan diri untuk Tawaran Kempen.

No.	Kriteria Kelayakan Pendaftaran Wakaf ASNB	
	Pewakaf Baru	Pewakaf Sedia ada
1.	✓	✗

^ Kelayakan untuk Tawaran Kempen adalah dirujuk kepada Klausula no. 1 di bawah Tawaran dan Mekanisme Kempen.

3. Pendaftaran Wakaf ASNB hendaklah dilaksanakan melalui platform MyASNB dan mesti dilaksanakan semasa Tempoh Kempen.
4. Ganjaran adalah terhad untuk 200 Pewakaf yang terawal dan setiap Pewakaf hanya berhak untuk satu Ganjaran sahaja.
5. Ganjaran unit amanah ASNB adalah dalam bentuk unit amanah harga tetap samada ASB, ASB 2, ASB 3, ASM, ASM 2 atau ASM 3 dan ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada pemegang unit lain dan / atau individu lain dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
6. Bagi Peserta yang layak mendapat Tawaran Kempen, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi: -

- (i) Pendaftaran wakaf mestilah berjaya,
- (ii) Wakaf ASNB adalah wakaf muabbad iaitu bersifat kekal di mana unit-unit yang diwakafkan tidak boleh dipulangkan semula, dibatalkan atau dibuat pindaan,
- (iii) Ganjaran akan dikreditkan ke dalam akaun unit amanah Pewakaf mengikut akaun unit amanah yang sama seperti pendaftaran Wakaf ASNB selepas sembilan puluh (90) hari dari tarikh kempen berakhir.
- (iv) Bagi Pewakaf yang mendaftar Wakaf ASNB menggunakan akaun unit amanah ASB/ASB2 dan telah mencapai had pelaburan maksimum, unit amanah akan dikredit berdasarkan urutan dana berikut ASB3, ASM, ASM2, ASM3.
- (v) Jika Pewakaf tidak mempunyai sebarang akaun unit amanah dana harga tetap lain, AWSB akan menghubungi dan memaklumkan Pewakaf untuk ke Cawangan ASNB / ejen ASNB yang sah / platform MyASNB untuk membuat pelaburan permulaan dalam dana harga tetap ASNB yang baharu bertujuan untuk pengkreditan ganjaran.
- (vi) Sekiranya Pewakaf gagal membuat pelaburan permulaan dalam dana harga tetap ASNB baharu dalam tempoh empat (4) minggu, AWSB mengikut budi bicara mutlaknyanya, berhak untuk membatalkan ganjaran.

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan terma dan syarat Kempen ini. Keputusan AWSB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. AWSB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. AWSB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, endemik, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan AWSB.
3. AWSB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat Kempen ini pada bila-bila masa, tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada Peserta.
4. AWSB berhak untuk menarik semula/membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen.
5. AWSB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam kempen ini.
6. Terma dan syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi (termasuk tanpa had bahan promosi bercetak dan elektronik) yang mengiklankan Kempen ini.
7. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.

8. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.